

DATE : 31 October 2014
PUBLICATION : Utusan Online
SECTION : Korporat
HEADLINE : Maybank terbit dana amanah dalam Dolar AS

Maybank terbit dana amanah dalam Dolar AS

31 Oktober 2014 1:19 AM

 0  0  0

DUBAI 30 Okt. - Maybank Asset Management Group Bhd. (Maybank Asset) telah melancarkan dana amanah berasaskan Dolar Amerika Syarikat (AS) yang akan dilaburkan ke atas sukuk.

Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Asset, Nor' Azamin Salleh berkata, sebahagian daripada dana tersebut akan dilaburkan ke atas sukuk yang diterbitkan di rantau Asia Barat.

Beliau berkata, pelancaran dana amanah itu dilihat sedikit berbeza kerana kebanyakan sukuk ketika ini lebih banyak diterbitkan di dalam mata wang ringgit.

“Sukuk yang diterbitkan di dalam Dolar AS juga semakin meningkat kebelakangan ini. Tetapi buat permulaan dana itu hanya ditawarkan kepada pelabur-pelabur Malaysia sebelum dirancang untuk dibuka kepada pelabur asing,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Dana-dana untuk pelaburan sukuk masih dianggap kecil bagi menandingi dana amanah yang dilaburkan dalam bon konvensional, tetapi persaingannya semakin meningkat terutama sekali dengan kehadiran lebih banyak pengurus-pengurus dana persendirian.

Ketika ini terdapat 36 dana amanah untuk sukuk dengan aset terkumpul sebanyak AS\$1.9 bilion (RM6 bilion), menurut data yang dikumpul oleh Zawya, syarikat Thomson Reuters.

Bagaimanapun, beberapa pengamal industri di Asia Barat menolak beberapa kaedah penerbitan yang diamalkan oleh syarikat-syarikat Malaysia, terutamanya dalam aspek pengurusan kos dan keuntungan Murabahah.

Hal itu sedikit sebanyak mengurangkan potensi dan permintaan ke atas dana pelaburan sukuk Malaysia oleh pelabur-pelabur asing.

Setakat separuh pertama tahun ini, 82 peratus sukuk korporat yang diluluskan di Malaysia mengguna pakai konsep Murabahah mengikut statistik oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC).

Dalam pada itu, Malaysia kini sedang mengubah struktur cukai untuk menarik perhatian pasaran bagi menerbitkan sukuk yang menggunakan konsep lain, bagi mengurangkan jurang dengan pasaran di Asia Barat, iaitu lokasi yang turut dianggap sebagai pusat kewangan Islam.